

# Empat pesilat Terengganu diarah bersedia

- 7 OCT 1987

Oleh HAMID HAJI SALLEH & Harian (M)

PERSATUAN Silat Terengganu mengarahkan empat pesilatnya menjalani latihan pusat disenaraikan dalam Kejuaraan Silat Sedunia Ke-4 di Kuala Lumpur pada 2-9 Disember ini.

Ini berikutan Malaysia akan mengemukakan dua pasukan A dan B bagi acara individu dalam kejohanan itu nanti.

Empat pesilat itu ialah Razak Ismail, Azmi Abdul Manaf, Awang Manaf dan Azman Abdullah. *Pesilat silat*

Mereka adalah pemenang pingat emas dan perak dalam Kejohanan Silat Kebangsaan di Kuala Terengganu, Disember lalu.

Pengerusi persatuan itu, Shafie Abdul Rahman, berkata empat peserta itu diarah menjalani latihan pusat di Kuala Ibai di bawah penolong jurulatih kebangsaan, Johari Ibrahim.

Katanya, persiapan awal terpaksa dibuat supaya mereka dapat menerima lebih banyak pendedahan dan mengatasi kelemahan lebih cepat.

"Dengan bimbingan jurulatih kebangsaan itu mereka akan dapat meningkatkan lagi pengetahuan sebelum menjalani latihan pusat di Kuala Lumpur November ini," jelas pengerusi itu.

Beliau percaya pengalaman Johari ketika melatih pesilat kebangsaan dan apa yang dilihat di Jakarta baru lalu akan memantapkan lagi pengetahuan pesilat-pesilat itu.

## Pendedahan

Shafie yang dilantik sebagai pengurus pasukan kebangsaan untuk kejohanan Disember ini berkata, dengan mengemukakan dua pasukan individu negara akan dapat memberi pendedahan kepada ramai pesilat yang berkebolehan.

Bagaimanapun tambahnya, itu bergantung kepada bilangan pesilat daripada negara peserta. "Kalau bilangan pesilat itu ramai kemungkinan Malaysia hanya menyenaraikan satu pasukan terkuat sahaja," ujarnya.

Pesilat kebangsaan, Abdul Razak Ismail, yang memenangi pingat perak di Jakarta baru lalu terus memburu harapan untuk mengutip pingat emas dalam kejohanan Disember ini.

Shafie menyifatkan bahawa Abdul Razak berupaya untuk merangkul pingat emas nanti berdasar kesungguhannya menjalani latihan bersama rakan-rakan yang lain.

**MSN sedia  
timbang  
permintaan  
Pesaka**  
- 9 OCT 1987

MAJLIS Sukan Negara (MSN) sedia memberi perhatian kepada Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) untuk perbelanjaan latihan pusat pesilat-pesilat kebangsaan menghadapi Kejuaraan Silat Sedunia Ke-4 di Kuala Lumpur Disember ini, lapor RAHIME YUSOF.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Najib Tun Haji Abdul Razak, berkata MSN sedia menimbang pembayaan latihan pusat itu jika Pesaka membuat permohonan rasmi. Katanya, setakat ini MSN belum menerima sebarang surat rasmi daripada Pesaka mengenai perkara itu.

Minggu lalu, Pesaka dikatakan menghadapi masalah kewangan mengadakan latihan pusat lebih awal berpunca daripada perkara itu.

Pesaka memerlukan kira-kira \$25,000 mengadakan latihan pusat bagi menyediakan tiga pasukan silat iaitu Kumpulan A dan B individu — 30 pesilat — dan acara kela-

KEJUARAAN SILAT SEDUNIA



WORLD SILAT  
CHAMPIONSHIP

1987

KUALA LUMPUR

2 - 9 Disember 1987

Di Stadium Negara

Anjuran Bersama

KEMENTERIAN KESUKSESAN DAN PELANCONGAN MALAYSIA



**Berita  
Harian**



sik — Silat Kembangan. Mereka terpaksa menangguhkan latihan yang sepatutnya dijadualkan pertengahan bulan ini kepada awal November.

Datuk Seri Najib yang juga pengerusi MSN, memberitahu Pesaka sepatutnya membuat permohonan rasmi mendapatkan bantuan.

"Kalau segala bentuk permohonan itu sesuai dipertimbangkan, mereka layak menerima bantuan MSN," jelas Menteri itu ketika ditemui di pejabatnya baru-baru ini.

Beliau berkata, sebagai badan yang bertanggungjawab membantu perkembangan sukan, MSN sentiasa bekerjasama dengan persatuan-persatuan sukan dalam menyediakan atlet-atlet yang baik.